

MAHATHIR

1978

KUALA LUMPUR, 26 OGOS (BERNAMA)—LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERSEKUTUAN (FIDA) AKAN MENJADI AGENSI TUNGGAL BAGI MENGENDALIKAN URUSAN PELABURAN DARI PERINGKAT RUNDINGAN PROJEK KE PERINGKAT PERLAKSANAAN DAN SETERUSNYA MULAI AWAL BULAN DEPAN, DEMIKIAN DIUMUMKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UNIT PUSAT ITU YANG DIKENDALIKAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DARI BERBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN PENTING YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PEMBANGUNAN PERUSAHAAN, AKAN BERGERAK MULAI 1 SEPT. DI IBUPEJABAT FIDA DI SINI.

MENURUTNYA, UNIT TERSEBUT DITUBUHKAN BERIKUTAN DESAKAN PARA PELABUR SUPAYA PIHAK BERKUASA MENGURANGKAN KERENAH BIROKRATIK YANG TERLIBAT DALAM MENDAPATKAN KELULUSAN BAGI PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN.

BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN PERDAGANGAN ANJURAN PERSEKUTUAN PEKOLANG-PEKILANG MALAYSIA (FMM) DI PAVILION CHANGKAT DI SINI PAGI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PENUBUHAN UNIT PUSAT TERSEBUT, AKAN DAPAT MEMUDAHKAN LAGI PERLAKSANAAN BERBAGAI PROJEK OLEH PARA PELABUR. —BERSAMBUNG 1122/MD

EE

0905

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

TEGAS BELIAU; +SEPERTI KEBANYAKAN RANCANGAN, SAYA TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN ADANYA MASALAH-MASALAH REMEH-TEMEH.

+SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG KEKURANGAN DAN KELEMAHAN DALAM SISTEM INI, KAMI MAHU ANDA SEKALIAN MENYATAKANNYA DAN MEMBERIKAN SYOR-SYOR UNTUK MEMPERBAIKI SUSUNANNYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, MEMANG MENJADI KENYATAAN BAHAWA SEKTOR PEKILANGAN DI MALAYSIA TELAH DIBERI PERANAN UTAMA DALAM PENCAPAIAN MATLAMAT RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

UNTUK TUJUAN ITU, KERAJAAN TELAH BERBUAT APA SAHAJA DALAM USAHA MEMPERTINGKATKAN LAGI TARIKAN IKLIM PELABURAN BAGI PELABUR-PELABUR YANG DATANG KE NEGARA INI.

KERAJAAN, TAMBAHNYA, SENTIASA BERUSAHA MENCARI IDEA DAN STRATEGI BARU YANG BERTUJUAN MEMBANTU PARA PELABUR YANG SEDIA ADA DAN JUGA BAKAL-BAKAL PELABUR.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, SEKTOR PEKILANGAN TELAH MUNCUL SEBAGAI YANG TERBAIK DALAM BIDANG EKSPORT MALAYSIA BAGI SUKU PERTAMA TAHUN INI.

KADAR PERTUMBUHAN SEBANYAK 13.2 PERATUS DALAM TEMPOH TERSEBUT BAGI EKSPORT BARANG-BARANG KILANG YANG MELEBIHI JUMLAH DALAM TEMPOH YANG SAMA TAHUN LALU MERUPAKAN YANG TERTINGGI BERBANDING DENGAN KADAR PERTUMBUHAN LAIN-LAIN EKSPORT NEGARA. —BERSAMBUNG 1122

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DALAM TAHUN 1977, EKSPORT KASAR BARANG-BARANG KELUARAN PEKILANG BERJUMLAH \$2,810 JUTA IAITU MERUPAKAN 18.7 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN JUMLAH EKSPORT BERBANDING DENGAN \$167.2 JUTA PADA KADAR 4.5 PERATUS DALAM TAHUN 1967.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA JENIS-JENIS INDUSTRI YANG BOLEH DITEROKAI OLEH PELABUR-PELABUR TEMPATAN DAN ASING BAGI MENAMPUNG PASARAN TEMPATAN ADALAH TERHAD DISEBABKAN PERMINTAAN TEMPATAN.

OLEH YANG DEMIKIAN, PERLUASAN SEKTOR PEMBUATAN DI NEGARA INI TERPAKSA DATANGNYA DARI PERTUMBUHAN PERMINTAAN LUAR NEGERI.

DALAM KONTEKS INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBIDAS SETENGAH NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN KERANA MENGAMALKAN DASAR PERLINDUNGAN PERDAGANGAN.

MENURUTNYA, ADALAH DIKESALKAN USAHA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN UNTUK MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI MEREKA, SEBAHAGIANYA MENERUSI PERTUMBUHAN EKSPORT BUKAN TRADISIONAL, TERUS DIHALANG OLEH SIKAP PERLINDUNGAN OLEH SETENGAH-SETENGAH NEGARA PERINDUSTRIAN.

+MASLAHNYA IALAH EKONOMI NEGARA-NEGARA SEUMPAMA ITU TELAH MENUNJUKKAN KETIDAKSEDIAAN MEREKA UNTUK DISESUAIKAN DENGAN REALITI PASARAN ANTARABANGSA YANG BERUBAH,+ JELAS BELIAU. --
BERSAMBUNG 1133/MD

cc

6507

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN TIDAK HANYA +MANIS DI MULUT+ UNTUK MELAHIRKAN SATU SUSUNAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA YANG KONSEPNYA TELAH PUN DITERIMA PADA DASARNYA OLEH KEBANYAKAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENYEDIAKAN SEMUA KEPERLUAN DAN BANTUAN DALAM BIDANG PENGGALAKAN EKSPORT UNTUK MENGEKALKAN CORAK PERTUMBUHAN DALAM EKSPORT PEKILANGAN.

LANGKAH UTAMA YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBANTU PEKILANG-PEKILANG TEMPATAN DALAM PENGGALAKAN EKSPORT IALAH DENGAN MENGANJURKAN PENYERTAAN MEREKA DALAM PESTA-PESTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN MENGHANTAR ROMBONGAN-ROMBONGAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI DI SAMPING MEMPELAWA PEMBELI-PEMBELI DAN USAHAWAN LUAR MELAWAT MALAYSIA.

DUA LANGKAH BARU IALAH MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KREDIT EKSPORT DAN PENUBUHAN INSURAN KREDIT EKSPORT MALAYSIA BERHAD.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, USAHA-USAHA ITU HENDAKLAH DIBANTU DAN DISOKONG OLEH PENGEKSPORT-PENGEKSPORT SENDIRI. --BERSAMBUNG
1138/MD

cc

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGUNDANG PARA PEKILANG MENYERTAI BELIAU DALAM ROMBONGAN PENGGALAKAN PELABURAN YANG AKAN DATANG KE AMERIKA SYARIKAT DAN JEPUN.

KATANYA, KERAJAAN SEDAR TENTANG BANYAKNYA SUMBER DI BEBERAPA BUAH NEGARA MAJU YANG MASIH BELUM DIPROSES DAN KEBANYAKANNYA MENGALAMI PERUBAHAN-PERUBAHAN STRUKTUR DALAM EKONOMI MEREKA.

BELIAU MENGGESA PARA PEKILANG TEMPATAN TAMPIL KE HADAPAN DAN MENGAMBIL PELUANG MEREKUT PELUANG-PELUANG BARU HSIL PERUBAHAN SERUPA ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENYETUH TENTANG AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN DAN BERKATA BELIAU GEMBIRA BAHAWA SEBAHAGIAN BESAR MEREKA YANG BERKENAAN TELAH MENERIMA HAKIKAT BAHAWA AKTA ITU TETAP KEKAL DAN MEREKA BERSEDIA MENERIMANYA. --BERNAMA 1142/MD